



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 16 OGOS 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAHA EXPO GOOD WAY TO ATTRACT YOUTHS, NEWS WITHOUT BORDERS, THESUN -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAHA 2022 DIHARAP JADI PLATFORM GOLONGAN MUDA CEBURI BIDANG PERTANIAN, ONLINE, BERNAMA	
3.	KENAIKAN HARGA AYAM TERKAWAL, NASIONAL, BH -9	
4.	RIBUAN IKAN BILIS MATA BIRU TERDAMPAR, LOKAL, HM -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	IKAN BILIS MATA BIRU CETUS TANDA TANYA, NASIONAL, BH -22	
6.	PASAR TANI LEKIR LENGANG, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	RERUAI NAFAS MERIAH, NASIONAL, SH -18	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

# Maha expo good way to attract youths

**KUALA LUMPUR:** The Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro-Tourism (Maha) Exhibition 2022, which ended on Sunday, is regarded as the best platform for the government to attract more youths to venture into the agricultural sector.

Agriculture and Food Industries Ministry food and agro-based industry division secretary Kamal Badrin Hassan said the people, especially youths, should explore the various areas of agriculture that played a key role in the country's food production.

"We hope that more young people and companies will venture into the agricultural sector to expand our domestic food production and reduce the country's dependency on imported food," he said. - Bernama

## MAHA 2022 DIHARAP JADI PLATFORM GOLONGAN MUDA CEBURI BIDANG PERTANIAN



KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang melabuhkan tirai semalam, diharap menjadi platform untuk golongan muda menceburi bidang pertanian.

Setiausaha Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Kamal Badrin Hassan berkata masyarakat perlu meneroka bidang itu bagi membantu dalam proses pengeluaran makanan dalam negara dan memenuhi keperluan rakyat.

“Kita berharap lebih ramai individu muda dan syarikat akan venture dalam bidang pertanian dan keluarkan makanan bagi keperluan negara kita sendiri. Kita tidak perlu bergantung kepada import,” katanya kepada Bernama.

“...sebab mungkin satu hari nanti apabila banyak musibah berlaku di seluruh dunia, negara lain tidak mahu eksport makanan kepada kita, pada masa itu, kita akan berada dalam keadaan yang sangat kritikal,” tambahnya.

Beliau berkata penganjuran MAHA 2022 telah menonjolkan cara pengeluaran makanan menggunakan teknologi tinggi untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dari segi penggunaan jentera dan dron.

“Tanah terbiar dalam Malaysia ini masih banyak yang boleh diusahakan. Jadi kita buat MAHA ini supaya orang datang tengok apa peluang mereka, dan kalau ada tanah terbiar, apa tanaman yang boleh diusahakan dan memberi pulangan yang lumayan,” katanya.

Kamal berkata penganjuran pameran itu bertujuan menjadikan Malaysia negara pengeluar makanan utama di rantau ini semula, serta berupaya untuk mengeksport makanan ke luar negara dengan kapasiti lebih tinggi bersesuaian dengan tema MAHA tahun ini iaitu ‘Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan’.

Pameran MAHA kali ini mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran melebihi 1.4 juta pengunjung dan nilai jualan melangkau RM260 juta, melepasi sasaran yang ditetapkan.

# Kenaikan harga ayam terkawal

**Bekalan masih stabil, jualan tak lebih RM9.40 sekilogram**

Oket Ekhwan Haque Fazuul Haque  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kenaikan harga ayam sejak dua minggu lalu masih terkawal dan tidak melebihi harga siling RM9.40 sekilogram yang ditetapkan kerajaan.

Tinjauan BH di beberapa pasar di sekitar ibu kota mendapati berlaku kenaikan harga ayam antara 30 sen hingga 40 sen sekilogram dalam tempoh dua minggu sehingga semalam.

Sebelum ini, kerajaan mengambal keputusan untuk tidak menaikkan harga ayam sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam stan-

dard pada RM9.40 sekilogram bagi Semenanjung Malaysia mulai 1 Julai lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kijandee, berkata Jemaah Menteri turut bersetuju menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 0.45 sen sebiji bagi gred A, Gred B (0.43 sen/biji) dan gred C (0.41 sen/biji). Penetapan harga ayam standard dan telur ayam itu membatalkan Semenanjung.

## Harga meningkat sedikit

Peniaga, Azmi Sahamin mengakui terdapat sedikit peningkatan harga ayam yang sebelum ini dijual RM8.50 sekilogram.

"Bekalan ayam masih stabil walaupun berlaku kenaikan harga sedikit dalam tempoh beberapa minggu ini.

"Permintaan bagaimanapun menurun sedikit mungkin disebabkan tiada musim perayaan dalam waktu terdekat," katanya. Seorang lagi peniaga, Robalyah

Amir berkata, dia menjual ayam kini pada harga RM8.90 sekilogram, namun masih boleh menampung kos operasi.

Katanya, harga kini kerap berubah di peringkat pemborong mungkin disebabkan faktor harga makanan ternakan itu.

"Walaupun ayam dijual lebih rendah daripada harga siling, saya boleh menampung kos operasi.

"Permintaan ayam juga ada berlaku penurunan sedikit sejak kebelakangan ini, namun bekalan masih stabil," katanya.

Sementara itu, pengusaha, Rokiah Ahmad berkata, bekalan ayam yang stabil membolehkan harga diturunkan lebih rendah daripada harga siling.

Katanya, ayam kini menjadi pilihan utama ekoran peningkatan mendadak hasil laut seperti ikan dan sotong.

"Harga ayam mungkin boleh dikaji semula kerana ada sesetengah tempat yang boleh menjualnya pada harga yang lebih rendah," katanya.



Peniaga di Pasar Moden seksyen 16 Shah Alam menjual ayam tidak melebihi harga siling. (Foto Genes Gulitah/BH)

## Ribuan ikan bilis mata biru terdampar

**Lumut:** Ribuan ikan bilis mata biru yang sinonim dengan Pulau Pangkor terdampar di pantai Pasir Bogak di sini, pada Jumaat dan Sabtu lalu mencetus tanda tanya dalam kalangan masyarakat.

Beberapa video memaparkan situasi itu serta individu mengutip ikan itu turut dimuat naik di media sosial sejak keimarin.

Malah, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pangkor, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir turut berkongsi video ikan bilis terdampar di tepi pantai dalam jumlah yang banyak di Instagramnya.

Seorang nelayan, Roslan Ahmad, 58, berkata, ikan bilis mata biru itu dikesan terdampar di pantai berkenaan pada Jumaat dan Sabtu lalu.

Menurutnya, video kejadian itu turut dirakam rakannya yang bersantai di pantai berkenaan bersama keluarga pada 8.30 malam Sabtu lalu.

"Ketika itu ombak tidak terlalu tinggi, tetapi air pasang penuh. Rakan yang melihat seperti ada kerlipan di tepi pantai, ferkejut mendapati ia adalah ribuan ikan bilis mata biru yang terdampar.

"Apabila sudah heboh, ramai yang datang kutip dan semalam ada yang tunggu juga tetapi tiada lagi bilis yang naik," katanya.

Katanya, fenomena itu adalah yang pertama berlaku namun punca ia berlaku tidak diketahui dan menganggapnya ia adalah satu kebesaran Allah

SWT.

"Sebagai nelayan, fenomena ini boleh dianggap petanda baik juga kerana menunjukkan ikan itu sentiasa ada, kena usaha dan bersyukur serta menginsafi apa berlaku.

"Tetapi sekarang ini memang tak dinafikan ikan memang tengah banyak, rezeki tak putus bulan ini dan ikan bawal pun ada. Ikan termenung juga banyak didapati sekitar perairan Pulau Pangkor dan Lekir sejak dua minggu ini hingga ada yang dapat 200 kilogram ikan itu," katanya.

Jabatan Perikanan Perak memaklumkan pihaknya menerima maklumat kejadian itu semalam dan Pejabat Perikanan Daerah Manjung akan turun ke lokasi hari ini untuk tindakan lanjut selain Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Kampung Acheh juga akan melakukan kajian berhubung kejadian itu.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Perak, Norraishah Hashim ketika dihubungi berkata, pihaknya akan membuat pemerhatian dan siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar fenomena itu.

Menurutnya, satu batu nautika dari persisiran pantai adalah zon konservasi kawasan pembalakan semua jenis ikan.

"Jadi kita tak pasti jika sumber bertambah dan setakat ini kita tidak tahu punca (fenomena ikan bilis terdampar itu tetapi meneliti serta membuat siasatan," katanya.



TANGKAP layar rakaman video yang memaparkan ikan bilis mata biru terdampar di tepi pantai Pasir Bogak, Pangkor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

# Ikan bilis mata biru cetus tanda tanya

## Jabatan Perikanan Perak siasat fenomena di pantai Pasir Bogak

Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
farahmarshita@bh.com.my

**Lumut:** Ikan bilis mata biru yang sinonim dengan Pulau Pangkor, yang terdampar di pantai Pasir Bogak di sini, pada Jumaat dan Sabtu lalu, mencetus tanda tanya dalam kalangan masyarakat.

Beberapa video memaparkan situasi itu serta individu mengutip ikan itu turut dimuat naik di media sosial sejak malam kelmarin.

Malah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pangkor, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir turut berkongsi video ikan bilis terdampar di tepi pantai dalam jumlah yang banyak di Instagram.

Seorang nelayan, Roslan Ahmad, 58, berkata ikan bilis mata biru itu dikesan terdampar di pantai berkenaan sejak Jumaat lalu.

Beliau berkata, video kejadian itu turut dirakam rakannya yang bersantai di pantai berkenaan



Tangkap layar video memaparkan ikan bilis mata biru terdampar di pantai Pasir Bogak, Pangkor.

(Foto ihsan pembaca)

bersama keluarga pada jam 8.30 malam, Jumaat lalu.

### Air pasang penuh

“Ketika itu ombak tidak terlalu tinggi, tetapi air pasang penuh. Rakan yang melihat seperti ada kerlipan di tepi pantai terkejut mendapati ia adalah ribuan ikan bilis mata biru yang terdampar.

“Apabila sudah heboh, ramai yang datang kutip dan semalam ada yang tunggu juga, tetapi tiada lagi bilis yang naik,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, fenomena itu adalah yang pertama berlaku, namun

punca ia berlaku tidak diketahui dan menganggapnya ia adalah satu kebesaran Allah SWT.

“Sebagai nelayan, fenomena ini boleh dianggap petanda baik juga kerana menunjukkan ikan itu sentiasa ada, kena usaha dan bersyukur serta menginsafi apa berlaku.

“Tetapi sekarang memang tak dinafikan ikan memang tengah banyak, rezeki tak putus bulan ini dan ikan bawal pun ada. Ikan termenung juga banyak didapati sekitar perairan Pulau Pangkor dan Lekir sejak dua minggu ini hingga ada yang dapat 200 kilogram ikan itu,” katanya.

Jabatan Perikanan Perak memaklumkan pihaknya menerima maklumat kejadian itu semalam dan Pejabat Perikanan Daerah Manjung akan turun ke lokasi hari ini untuk tindakan lanjut selain Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Kampung Acheh juga akan melakukan kajian berhubung kejadian itu.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Perak, Noraishah Hashim ketika dihubungi berkata, pihaknya akan membuat pemerhatian dan siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar fenomena itu.

Beliau berkata, satu batu nautika dari persisiran pantai adalah zon konservasi kawasan pembiahan semua jenis ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

# Pasar Tani Lekir lengang

**LUMUT:** Peniaga Pasar Tani Kekal Lekir di sini mengeluh kerana pusat perniagaan itu lengang kerana kekurangan pelanggan menyebabkan pendapatan mereka merosot teruk.

Peniaga yang ditemui berkata, tidak ramai pelanggan yang singgah di situ walaupun lokasinya strategik iaitu terletak di tepi laluan utama jalan menghubungkan Teluk Intan dan Lumut.

Malah, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati tidak ramai pelanggan bersarapan di kedai makan di situ walaupun pada sebelah pagi.

Kerana tiada pelanggan, peniaga harian di situ terpaksa menutup awal perniagaan mereka di 25 lot niaga yang menjual berbagai produk termasuk produk industri kecil dan sederhana dan makanan dan minuman.

Seorang peniaga kerepek, Osman Mutalip, 58, berkata, kekurangan pelanggan yang singgah di pasar tani itu mula dirasai semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) dilak-

sanakan.

Namun, katanya, keadaan itu berterusan sehingga sekarang walaupun orang ramai sudah dibenarkan bergerak bebas tanpa sebarang sekatan.

“Kerana tak ramai pelanggan yang singgah, saya membuka perniagaan dari pagi hingga pukul 4 atau 5 petang sahaja, kalau buka sampai ke malam pun tiada pelanggan yang singgah, buat penat sahaja.

“Saya berharap FAMA berusaha menjadikan pasar tani ini sebagai tumpuan dengan menyediakan lain-lain tarikan untuk pelanggan singgah dan membeli produk kami di sini.

“Mungkin boleh difikirkan tarikan lain seperti mengindahkan landskap di pusat perniagaan ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Peniaga makanan, Azimah Zakaria, 42, berkata, dia sendiri tidak tahu kenapa pusat perniagaan itu sukar untuk disinggahi pelanggan walaupun terletak di lokasi strategik.

# Reruai NAFAS meriah

Pelbagai aktiviti menarik diadakan NAFAS sepanjang 11 hari MAHA 2022 berlangsung

Oleh **RAJA NUR FAZNE AIDA SHAH ALAM**

Sepanjang 11 hari berlangsung Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 bermula 4 Ogos hingga 14 Ogos lalu, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai usaha untuk menggalakkan orang ramai mengenali peranan agensi tersebut secara lebih dekat.

Antara aktiviti dianjurkan ialah pameran rantaian nilai ayam, jualan produk baja dan racun pertanian, serta potongan harga sehingga 30 peratus bagi beberapa produk terpilih jenama Peladang, selain jualan murah minyak pelincir jenama NAFASLUBE.

Sesi lelongan ayam sejuk beku juga mendapat sambutan hangat apabila lebih 2,000 pek berjaya dijual di Pavilion NAFAS di Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps).

NAFAS turut menampilkan Cef Naem, Cef Danish Harraz dan Cef Zam Akmal untuk demo masakan berasaskan produk jenama Peladang, selain mempamerkan pelbagai produk dan aktiviti lain di Laman Mekanisasi, Laman Padi dan Laman Agroedutainment.

**MAHA 2022**  
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agro-tourism Show

**NAFAS**  
Pertubuhan Peladang

**50**  
Jubli Emas  
1972 - 2022

Pertandingan memancing *Fun Fishing* yang diadakan memberi pengalaman kepada peserta untuk menikmati pemandangan semula jadi NAFAS Cube yang terletak di Tasik Institut Penyelidikan dan Pembangunan Malaysia (MARDI), Maeps.

Selain itu, seorang pemenang bertuah berjaya mem-



Timbalan Menteri I Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah (depan, kiri) dan Zamri (dua dari kanan) di Pavilion NAFAS selepas melancarkan produk baja jenama Peladang bagi kegunaan isi rumah sempena MAHA.

bawa pulang hadiah utama berupa bar emas seberat 50 gram menerusi Peraduan Jawab dan Menang yang disertai lebih 20,000 pengunjung.

Hadiah tersebut merupakan simbolik sambutan Jubli Emas, 50 tahun penubuhan NAFAS.

Tujuh pemenang bertuah

membawa pulang hadiah berbentuk telefon bimbit, basikal lipat, tablet, seterika stim dan televisyen.

Menurut Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob, kehadiran pengunjung di Pavilion NAFAS pada hari terakhir pameran juga dilihat lebih ramai berbanding hari biasa dan ia merupakan satu

kejayaan bagi pihaknya mempromosi peranan dan pemiagaan NAFAS kepada umum dengan lebih dekat.

Menurutnya, sebagai pertubuhan peladang peringkat kebangsaan yang menerajui hampir sejuta ahli, pihaknya akan terus menyokong dan menyertai MAHA pada masa akan datang.



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid (tengah) ketika mencampurkan semua borang Peraduan Jawab dan Menang



Orang ramai tidak melepaskan peluang menyertai Peraduan Jawab dan Menang yang mana hadiah utamanya berupa bar emas seberat 50 gram.



Sepanjang berlangsungnya MAHA, pameran anak ayam warna-warni menjadi tarikan kanak-kanak di Pavilion NAFAS di Dewan A, Maeps.



Pengunjung MAHA 2022 menggunakan perkhidmatan tram yang disediakan.